

1027

## DATA-DATA TOKOH ULAMA TAJWID TERSOHOR DI ALAM MELAYU

Shaharuddin Saad, Mohd Fairus A.Adi, Mohd Safee Salihin Hasan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[shaharuddin@kuis.edu.my](mailto:shaharuddin@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Tajwid al-Quran merupakan suatu ilmu yang amat penting di dalam pembacaan al-Quran dan kepentingannya amat jelas ketika seseorang itu ingin membaca al-Quran sejak penurunan al-Quran sehingga kini. Rasul saw merupakan guru al-Quran yang pertama selepas Jibril as mengajarkannya. Selepas kewafatan Rasul saw ilmu ini diwarisi oleh para sahabat, tabi'in, tabi'in sehingga kepada zaman kita sehingga tersebar luas ke seluruh dunia. Maka, ianya juga tersebar ke Alam Melayu melalui guru-guru yang pergi mendapatkan pendidikan di negara-negara Arab khususnya di Timur Tengah seperti Mekah, Madinah, Mesir dan lain-lain Negara. Maka sudah pasti kewujudan tokoh-tokoh di dalam bidang Tajwid ini di Alam Melayu tidak dapat dinafikan. Hasil pendapatan dari kajian oleh tokoh-tokoh seperti almarhum Hj Wan Saghir mendapat bahawa kewujudan ulama-ulama Melayu di dalam bidang Tajwid sudah bermula semenjak tahun 1780 an lagi apabila kajian mendapat kitab Tajwid pertama di Alam Melayu dikarang oleh Syeikh Abdul Mukti berjodol Mir'atul Quran pada tahun 1779. Persoalan yang timbul di dalam masyarakat kita khususnya di Malaysia hari ini ialah, sejauhmanakah masyarakat mengenali dan mengetahui tentang munculnya ulama-ulama serta tokoh-tokoh di Alam Melayu yang menguasai Ilmu Tajwid. Bertitik tolak dari persoalan inilah penulis akan mengetengahkan kajian ini demi memberi maklumat kepada masyarakat Malaysia khususnya berkaitan ketokohan ulama-ulama di dalam bidang Tajwid. Metodologi yang akan digunakan oleh penulis ialah metode pencejarahan dan metode dokumentasi. Semoga dengan terhasilnya kajian ini akan menjelaskan dan memperkenalkan kepada masyarakat berkaitan tokoh-tokoh ulama Melayu di dalam bidang Tajwid dan kemasyhuran mereka sehingga ke Timur Tengah.*

### 1. PENDAHULUAN

Para ulama di alam Melayu telah memainkan peranan penting dalam penyebaran dan perkembangan Islam. Sumbangan mereka tidak perlu dipertikaikan lagi. Keilmuan dan pengetahuan yang dimiliki dalam pelbagai bidang keilmuan menjadikan peranan mereka lebih besar terhadap masyarakat dan negara. Di saat masyarakat mencari arah dan tujuan hidup, mereka menjadi petunjuk dan pembimbingnya dan di saat masyarakat dalam kejihilan, mereka menjadi guru yang memandu ke arah kebenaran.

Al-Quran merupakan kitab suci dan panduan hidayah kepada manusia. Terkandung di dalamnya pelbagai ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia dan kandungannya tersebut sesuai untuk sepanjang zaman. Sumber al-Quran inilah yang melahirkan ulama-ulama yang mahir dalam pelbagai ilmu pengetahuan, termasuk Ilmu Tajwid yang merupakan salah satu cabang daripada ilmu al-Quran. Di antara ulama Malaysia yang mahir dan menguasai bidang Tajwid seperti Syeikh Abdullah al-Sanquri<sup>1</sup>, Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani, Syeikh Muhammad bin Ahmad al-Kelantani<sup>2</sup>, Syeikh Dato Haji Muhammad Nor Ibrahim, Syeikh Dato' Haji Ismail Yusof, Syeikh Haji Ismail Mahmud dan ramai lagi.

Di dalam kertas kerja ini, penulis akan memperkenalkan tiga orang tokoh utama yang berperanan sebagai pembawa atau pengasas yang membawa masuk bacaan al-Quran ke Malaysia dengan kaedah atau aliran yang kita amalkan sehingga hari ini. Mereka adalah Syeikh Abdullah al-

<sup>1</sup> Digelar dengan Tok Senggora

<sup>2</sup> Digelar dengan nama Tok Mat Pintu Geng dan pengarang kitab Muqaddimah al-Mubtadi fi Tajwid al-Quran pada tahun 1922.

Sanquri, Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani dan Syeikh Muhammad bin Ahmad al-Kelantani.

## 2. BIODATA SYEIKH ABDULLAH AL-SANQURI

Nama lengkap Syeikh Abdullah Senggora adalah Abdullah bin Muhammad Qasim dan lebih dikenali sebagai Syeikh Abdullah bin Muhammad Qasim al-Fiqhi al-Sanquri (1850an-1930)<sup>3</sup>. Beliau juga merupakan salah seorang daripada ulama Melayu yang bertanggungjawab dalam mengembangkan syiar Islam di Nusantara. Beliau juga lebih dikenali panggilan Tok Senggora. Al-Sanquri adalah nisbah kepada tempat kelahiran beliau iaitu Senggora<sup>4</sup>.

Menurut satu sumber yang disebutkan oleh Tuan Haji Saleh Abdullah<sup>5</sup>, Tok Senggora telah berkahwin sejak berusia 15 tahun lagi iaitu setelah beliau menamatkan pengajian dan hafalan al-Quran<sup>6</sup> serta sebelum ayahnya kembali ke Perik iaitu kampung asal mereka. Ketika itu, beliau telah berkahwin dengan seorang wanita keturunan Arab yang bernama Syarifah Ruqayyah dan dikenali sebagai Rogayah. Hasil perkahwinan ini, beliau telah dianugerahkan empat orang cahaya mata iaitu Kasim, Aisyah, Muhammad Nor dan Jamil.<sup>7</sup>

Setelah Rogayah meninggal dunia, Tok Senggora berkahwin buat kali kedua dengan seorang wanita yang berstatus janda keturunan Mesir yang bernama Siti Aminah. Hasil perkahwinan ini, mereka dianugerahkan lagi tiga orang anak iaitu Aisyah, Aminah dan Yahya. Manakala, salah seorang daripada anak tiri beliau (anak Siti Aminah) telah berkahwin dengan Tok Syafie Kedah<sup>8</sup> yang merupakan seorang ulama sufi terkenal di Mekah pada bahagian pertama abad kedua puluh.

Walaupun demikian, berkaitan keturunan beliau yang masih ada sehingga sekarang ini, tidak dapat dipastikan dengan tepat dan tiada maklumat yang menjelaskan tentangnya, walaupun diketahui bahawa terdapat dari kalangan anak Tok Senggora yang pulang ke Tanah Melayu, berkeluarga dan menetap di sini. Ahmad Fathi menambahkan lagi bahawa sesuatu yang pasti

<sup>3</sup> Ahmad Fathi al-Fatani (2002), *Ulama Besar dari Patani*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, cet.1, hlm 83 dan lihat laman web Madrasah Darussalam, <http://www.darissalam.com/fatani.html>, Sabtu, 20 Januari 2007.

<sup>4</sup> Senggora terletak ke arah utara Pattani. Sebelum itu, pada zaman dahulu Senggora berada dalam pemerintahan Langkasuka dan kemudian Tambralinga. Setelah kedatangan Islam, ia berada dibawah pemerintahan Fathani Darul Salam. Namun, kemudiannya pemerintah Thai telah menukar nama Senggora kepada Songkhla. Senggora adalah sebuah bandar tua yang berada di pinggir Laut Cina Selatan, iaitu yang agak jauh puluhan kilometer di sebelah timur Sadao. Al-Marhum Tuan uru Hj Wan Mohamad Saghir Abdullah (1425H/2004M), “Sumbangan Ulama Malaysia/Nusantara Dalam Pengajian al-Quran” (kertas kerja yang dibentangkan pada bulan 13-15 Syawal 1425H/23-25 November 2004M di Hotel Permai Inn, Kuala Terengganu, Terengganu), hlm 3-5.

<sup>5</sup> Beliau merupakan Imam Masjid al-Salihin, Kampung Bawah Bukit, Chuping, Perlis. Beliau menyebutkan demikian kerana beliau pernah tinggal bersama dengan anak bongsu Tok Senggora yang bernama Yahya, di rumahnya Jalan Bani Hashim, Syi'b Ali ketika beliau belajar di Makkah pada akhir tahun 1940-an dan awal tahun 1950-an. Oleh yang demikian, Ahmad Fathi menyebutkan bahawa, Tuan Haji Salleh telah menjadi sumber rujukan utama beliau dalam membincarakan tentang Tok Senggora. Lihat Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *op.cit.*, hlm 81-84.

<sup>6</sup> Ismail Che Daud menyebutkan bahawa sijil tamat hafal al-Quran Tok Senggora bertarikh 13 Oktober 1894M. Lihat Ismail Che Daud (2007), “Tok Senggora” dalam Mingguan Wasilah, 27 Mei 2007/ 10 Jamadil Awal 1428H, ruangan Tahukah Anda?, hlm 30.

<sup>7</sup> Tuan Haji Saleh menyebutkan Kasim pernah berkahwin di Jitra, Kedah dan Jamil di Sungai Dua, Sebarang Perai, Pulau Pinang. Tetapi tiada maklumat yang tetap menyebutkan keadaan ini. Lihat Ahmad Fathi al-Fatani (2002), *op.cit.*, hlm 89.

<sup>8</sup> Beliau berasal dari Kampung Teluk Bagan, Kedah dan telah meninggal dunia di Makkah pada tahun 1953. Beliau adalah guru kepada ramai tokoh-tokoh ulama Pattani, Kedah dan Kelantan. Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *ibid.*

adalah tidak ada dari kalangan anak beliau yang pulang menetap di Perik, Sadao, tempat asal keturunan mereka.<sup>9</sup>

Berkaitan dengan tarikh kelahiran beliau, tiada maklumat yang menjelaskan secara tepat. Namun, menurut pendapat yang dikemukakan oleh Ahmad Fathi al-Fatani, beliau menyebutkan bahawa Tok Senggora dilahirkan di Kampung Perik (Ban Perik) pada satu tarikh yang tidak dapat dipastikan. Namun demikian, terdapat maklumat yang mengatakan bahawa beliau meninggal dunia sekitar umur 70-an dan menjelang 80-an di Makkah iaitu pada tahun 1930. Berdasarkan maklumat ini diandaikan kelahiran beliau adalah sekitar tahun 1850-an.<sup>10</sup>

Manakala ayah beliau iaitu Muhammad Qasim adalah anak jati kelahiran Senggora, bukan pula berasal dari Kampung Perik. Sebelum kelahiran Tok Senggora, bapa beliau, iaitu Muhammad Qasim mengambil keputusan untuk berpindah daripada bandar Senggora dengan pergi membuka sebuah tanah baru yang tidak jauh daripada Sadao. Tanah tersebut pada ketika itu, adalah sebuah kawasan yang belum diterokai dan dianggap kawasan pendalam. Di sinilah Muhammad Qasim mengusahakan dusun buah-buahan bagi menyara keluarganya di samping berperanan sebagai “orang alim” atau “pemimpin” dan “guru” di daerah tersebut.

Manakala, datuk beliau bernama Abdullah, yang dikatakan berasal daripada Indonesia tetapi tidak diketahui tempat atau daerah asalnya. Datuk beliau merupakan seorang yang gemar merantau dan telah pergi ke merata tempat di Tanah Melayu sehingga tiba di Kelantan. Di sini beliau telah berkahwin dengan seorang gadis yang merupakan nenek kepada Tok Senggora. Selepas perkahwinan itu, datuknya telah mengambil keputusan untuk pulang ke Senggora dan di sinilah lahirnya ayah Tok Senggora iaitu Muhammad Qasim. Namun, berkaitan maklumat ibu Tok Senggora dan saudara yang lain, tiada maklumat yang diperoleh.<sup>11</sup>

Berkaitan dengan maklumat kematian Tok Senggora, Ahmad Fathy menyebutkan, Tok Senggora meninggal dunia pada pagi Jumaat, 15 Safar 1349H yang bersamaan dengan 11 Julai 1930M. Sebelum beliau meninggal dunia, Ahmad Fathi memetik kata-kata yang disebutkan oleh Haji Nor Bot di mana sehari sebelum kematian beliau, iaitu pada petang hari Khamis, selepas waktu Asar, Tok Senggora masih mengajar *Tafsir al-Jalalain* kepada murid-murid beliau dan ternyata ketika itu tiada sebarang tanda-tanda beliau sakit. Keesokannya sewaktu orang ramai ingin mengerjakan solat Subuh di Masjid al-Haram, tersebar berita tentang kematian Tok Senggora.<sup>12</sup>

Manakala Ismail Che Daud dalam sebuah artikel, beliau menyebutkan secara pasti bahawa tanggal 11 Julai 2007 adalah genap 77 tahun pemergian seorang ahli qurra' yang terulung di kota Mekah yang dikenali sebagai Tok Senggora<sup>13</sup>. Berdasarkan tarikh tersebut, melalui pengiraan, tarikh kematian Tok Senggora adalah tanggal 11 Julai 1930M bertepatan dengan kenyataan yang disebutkan oleh Ahmad Fathi sebelum ini.

<sup>9</sup> Ahmad Fathi al-Fatani (2002), *ibid.*, hlm 89.

<sup>10</sup> *Ibid.*, hlm 84.

<sup>11</sup> *Ibid.*, hlm 85.

<sup>12</sup> Ahmad Fathi al-Fatani (2002), *op.cit.*, hlm 90.

<sup>13</sup> Ismail Che Daud (2007), *op.cit.*, hlm 30.

Beliau telah meninggal seorang balu bernama Siti Aminah yang merupakan seorang Arab Mesir tetapi boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Menurut Ahmad Fathi, daripada maklumat Tuan Haji Saleh, mengatakan balu Tok Senggora ini meninggal dalam tahun 1950-an, bahkan Tuan Haji Saleh pernah bertemu dengan beliau dalam tahun 1949 dan awal 1950-an memandangkan Tuan Haji Saleh pernah menumpang di rumahnya.<sup>14</sup>

Di antara ulama-ulama sezaman dengannya, Tok Senggora juga seperti Syeikh Nur al-Din al-Raniri yang menghasilkan karya dalam beberapa bidang ilmu seperti tasawuf, tarekat, *fiqh* dan sebagainya melalui kitab-kitab beliau seperti *Asrar al-'Arifin*, *al-Muntahi*, *Hidayah al-Habib fi a-Targhib wa al-Tarhib* dan sebagainya,<sup>15</sup> Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani yang menguasai bidang tasawuf melalui karya beliau *Siyar al-Salikin* dan *Hidayah al-Salikin fi Sabil al-Muhtadin*, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari yang mengarang kitab *Sabil al-Muhtadin li al-Tafkaquh fi Amr al-Din* yang merupakan kitab *fiqh* Melayu yang paling tebal,<sup>16</sup> Syeikh Uthman Betawi dalam bidang Tajwid al-Quran melalui karya '*Umdah al-Juman fi Adab Tilawah al-Qur'an*' dan dalam bidang yang sama termasuklah Syeikh Abdullah Senggora melalui karya *Mawrid al-Zam'an fi ma Yata'llaq bi Tajwid al-Qur'an*.

Di kalangan ulama-ulama tersebut dan para ulama selainnya, Tok Senggora juga merupakan di antara tokoh yang tidak terlepas dalam menghasilkan karya bermutu. Secara khususnya karya beliau dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu karya asli dan karya celupan (bukan asli). Antara karya asli beliau yang paling masyhur adalah *Mawrid al-Zam'an fi ma Yata'llaq bi Tajwid al-Qur'an* atau lebih dikenali dengan panggilan "*Mawrid al-Zam'an*" yang merupakan sebuah karangan khusus membicarakan berkaitan ilmu tajwid. Karya tersebut menjadi karya tunggal yang asli hasil penulisan beliau sendiri. Bahkan, disebut bahawa karya atau kitab ini sebagai kitab Ilmu Tajwid paling tebal dan paling sempurna berbanding kitab-kitab Tajwid yang lain serta berada sebaris dengan karya-karya Tajwid yang dihasilkan sebelumnya seperti *Mir'ah al-Qur'an* karya Syeikh 'Abd al-Mu'ti bin Muhammad Salih yang diselesaikan penulisannya pada 1193H/ 1779M dan lain-lain lagi.<sup>17</sup>

Berkaitan dengan karya beliau yang lain, selain kitab *Mawrid al-Zam'an*, tiada sumber yang menyenaraikan atau menyebutkan tentang karya-karya tersebut. Kemungkinan, Syeikh Abdullah Senggora tidak banyak menulis ataupun tidak ada sumber yang menyebutkan tentang perkara ini. Namun, demikian, tidak bermakna beliau tidak terlibat dalam dunia penulisan atau penghasilan karya selain daripada karya tersebut. Ini kerana, selain daripada menulis, beliau mendapat perhatian sebagai *pentaqriz* atau sebagai pemberi pengakuan kesahihan kandungan sesebuah karya yang dikarang oleh ulama-ulama lain. Peranan beliau tersebut merupakan salah satu

<sup>14</sup> Ahmad Fathi al-Fatani (2002), *op.cit.*, hlm 90.

<sup>15</sup> Drs. Salahuddin Hamid dan Drs. Iskandar Ahza (2003), *Seratus Tokoh Islam Yang Paling Berpengaruh di Indonesia*, Jakarta: PT. Intimedia Cipta Nusantara, cet. 1, hlm 138-139.

<sup>16</sup> Tajuddin Saman (1993), *op.cit.*, hlm 32.

<sup>17</sup> Antara karya-karya tajwid yang lain sebelum daripada kitab *Mawrid al-Zam'an* adalah seperti *Tuhfah al-Murid li Tawa'ibih al-Tajwid* karya Muhammad Sa'id ibn Hasanuddin yang diselesaikan pada 1266H/ 1849M. *Risalah Tajwid* karya Aminuddin bin Nuruddin bin Husein, diselesaikan pada 1286H/ 1869M, *Al-Mawahib al-Makiyyah* karya Syeikh 'Abd al-Qadir bin 'Abd al-Rahman al-Fatani, diselesaikan pada 1296H/ 1879M, *Siraj al-Qari* karya Syeikh Muhammad Salih bin Syeikh Zainal 'Abidin al-Fatani, diselesaikan pada 1308H/ 1891M dan *Tuhfah al-Ikhwan* karya Syeikh Isma'il bin Abd al-Mutallib al-Asyi (Aceh), diselesaikan pada tahun 1311H/ 1893M.

sumbangan dan usaha dalam menghasilkan karya penulisan walaupun bukan ditulis sendiri. Karya-karya ini disebut sebagai karya bukan asli. Antara karya mendapat *taqriz* daripada beliau dan menjadi karya bukan asli adalah seperti:<sup>18</sup>

1. *Milhah al-Tajwid fi Ahkam al-Qur'an al-Majid* karya Muhammad bin Muhammad Salih al-Kalantani<sup>19</sup>.
2. *Pertinjau* karya Haji Abu Bakar bin Haji Hasan Muar<sup>20</sup>
3. *Tamrin al-Lisan fi Ma'rifah Tajwid al-Qur'an* karya Syeikh Hasan bin Haji Yahya al-Jawi al-Jambi<sup>21</sup>

Dengan itu, walaupun tidak banyak tulisan atau karya yang dihasilkan, tetapi sumbangan yang telah dicurahkan oleh Tok Senggora amat besar sekali khususnya dalam bidang Ilmu Tajwid dan Qiraat. Beliau telah mencipta nama ketika berada di Kota Makkah lagi. Beliau sangat aktif mengajar khususnya dalam bidang Qiraat dan Tafsir serta mengarang kitab. Selain kealiman beliau dalam Qiraat al-Quran, beliau juga adalah *al-faqih* merujuk kepada gelaran yang dinisbahkan kepada nama beliau selaku seorang yang alim dan mengusai ilmu fikah. Manakala jika dilihat kepada penguasaan bahasa, beliau bukan sahaja arif dalam dua bahasa iaitu Arab dan Melayu, bahkan menguasai dengan baik bahasa Thai dan Inggeris.<sup>22</sup>

Sumbangan beliau yang paling besar adalah dalam bidang ilmu bacaan al-Quran atau Qiraat dan ilmu lagu al-Quran. Sehingga beliau dikatakan sebagai seorang ulama yang menguasai bacaan Qiraat Tujuh atau Qiraat Tujuh imam. Kemasyhuran beliau dalam bidang ini sehingga mendapat pengiktirafan daripada seorang pembesar Turki yang melawat Makkah pada zamannya.<sup>23</sup> Bahkan, kealiman beliau dalam bidang ini tidak perlu dipertikaikan lagi memandangkan beliau telah pun berjaya memperoleh dua sijil tamat hafazan al-Quran bertarikh 12 Rabi' al-Ahir

<sup>18</sup> Al-Marhum Tuan Guru Hj Wan Mohd Saghir Abdullah (1415H/2004M) "Kertas Kerja Ulama Malaysia/Nusantara Dalam Pengajian al-Quran", *op.cit.*, hlm 12-13.

<sup>19</sup> Karya ini telah diselesaikan penulisannya pada hari Jumaat, 4 Rejab 1329H. Cetakan pertama oleh Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah pada akhir Rabi' al-Awwal 1330H. Lihat Muhammad bin Muhammad Salih al-Kalantani (1330H), *Milhah al-Tajwid fi Ahkam al-Qur'an al-Majid*, Beirut: Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah.

<sup>20</sup> Karya ini diselesaikan pada 1 Sya'ban 1342H bagi Penggal Pertama di Bandar Maharani, Muar. Cetakan pertama oleh Matba'ah al-Khairiyah, Muar pada tahun 1342H/1924M. Dalam karya ini disertakan salinan ijazah daripada gurunya iaitu Syeikh Abdullah Senggora yang telah dikeluarkan pada hari Jumaat, 25 Zulhijjah 1334H di Makkah al-Mukarramah. Lihat Haji Abu Bakar bin Haji Hasan Muar (1342H/1924M), *Pertinjau*, Muar: Matba'ah al-Khairiyah.

<sup>21</sup> Karya ini telah diselesaikan pada tahun 1345H/1926M dan cetakan pertama oleh Matba'ah al-Taqaddun al-'Ilmiyyah, Mesir pada tahun 1345H. Pada halaman 41-42, telah disertakan *takriz* daripada beberapa orang ulama termasuklah oleh Syeikh Abdullah Senggora. Lihat Syeikh Hasan bin Haji Yahya al-Jawi al-Jambi (1345H), *Tamrin al-Lisan fi Ma'rifah Tajwid al-Qur'an*, Misr: Matba'ah al-Taqaddun al-'Ilmiyyah.

<sup>22</sup> Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *op.cit.*, hlm 86.

<sup>23</sup> Berdasarkan kepada cerita yang disebutkan oleh Tuan Guru Haji Muhammad Nor But, Kelantan pada tahun 1989, beliau menceritakan bahawa seorang pembesar Turki telah datang ke Makkah. Lalu telah dijemput semua qari untuk memperdengarkan bacaan di hadapannya. Setelah itu, pembesar Turki tersebut telah bertanya, adakah masih ada qari selain daripada sebelum ini. Lalu diberitahu bahawa terdapat seorang qari ternama di Makkah tetapi beliau adalah orang Jawi (Nusantara) bukan Arab. Dengan itu, beliau telah menjemput Tok Senggora untuk memperdengarkan bacaannya. Dalam keadaan gugup kerana dijemput secara mendadak, beliau telah membaca surah Yunus bermula ayat 62. Lalu beliau telah mengulangi beberapa ayat tersebut dalam berbagai lagu dan gaya bacaan qiraat tujuh. Sang pembesar tersebut sangat berpuas hati lalu menganugerahkan kepada Tok Senggora sejumlah wang sebanyak lima ratus junaih iaitu sejumlah wang yang sangat banyak ketika itu. Lihat Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *op.cit.*, hlm 87.

1312H yang telah dikeluarkan oleh Syeikh Ibrahim Saad al-Masri al-Makki<sup>24</sup> selaku guru beliau sendiri seperti mana yang telah disebutkan oleh penulis sebelum ini.

Selain berperanan sebagai seorang penulis atau pengkarya ilmu, beliau juga memainkan peranan penting sebagai tokoh yang menjadi rujukan ulama-ulama sezaman khususnya dalam bidang ini. Ramai daripada kalangan ulama yang telah mendapatkan *taqrib* atau pengakuan daripada beliau sebagai seorang yang berautoriti dalam menilai sesebuah penulisan. Keadaan ini sudah pasti melambangkan beliau bukanlah calang-calang ulama dalam bidang tersebut. Contoh karya yang mendapat *taqrib* beliau telah pun diterangkan oleh penulis sebelum ini.

### **3. BIODATA SYEIKH NUH JAMALUDDIN AL-KELANTANI**

Nama penuh beliau ialah Syeikh Nuh bin Haji Jamaluddin bin Haji Abdul Qadir bin Senik al-Kelantani. Beliau dilahirkan pada tahun 1896. Tarikh tepat tentang kelahirannya tidak dapat diketahui dari mana-mana rujukan. Beliau merupakan adik kepada Haji Ahmad Hafiz<sup>25</sup>. Bondanya bernama Hajah Maryam binti Pak Maras, manakala ayahnya Haji Jamaluddin yang merupakan seorang guru pondok yang berjasa di Mukim Paya Mengkuang, daerah Perupuk Bachok, Kelantan. Ayahnya juga berjaya mendidik dan melahirkan ramai guru agama pelapis termasuk Haji Seman Sering atau dikenali dengan Syeikh Uthman Jamaluddin al-Kelantani<sup>26</sup>.

Pendidikan awalnya sebelum brangkat ke Mekah ialah beliau berguru dengan Tok Kenali di Pondok Kubang Kerian. Beliau tidak sempat berguru dengan ayahnya sendiri kerana ayahnya meninggal dunia. Tidak dapat dipastikan beliau menghafaz al-Quran pada usia berapa tahun. Beliau berangkat ke Mekah pada tahun 1919 Masihi dan menetap dan berguru di sana selama 30 tahun. Beliau belajar dengan beberapa orang guru, termasuk Tok Senggora dan beliau berjaya mendapat ijazah Qiraat Tujuh dan Sepuluh. Selain dari itu beliau juga turut berguru dengan Tok Shafie Kedah di dalam Ilmu Tasawuf. Beliau merupakan tokoh Qurra' dan guru tahnif di Mekah sekitar tahun 30-an sehingga 40-an. Beliaulah yang menyambung khidmat keguruan Tok Senggora selepas kematian gurunya itu<sup>27</sup>. Mulai tahun 1944, beliau telah dilantik menjadi guru tahnif di Madrasah Dar al-Ulum al-Diniah. Beliau berkhidmat sehingga akhir hayatnya iaitu selama lebih kurang empat tahun. Di antara anak-anak muridnya ialah Dato' Ismail Yusof<sup>28</sup>, Haji Ismail Qurra' Kubang Kaki Rantau Panjang, Haji Ismail Qurra' Kampung Dagar Pasir Mas, Haji Ismail Mahmud Hadyai, Pak Su Haji Ismail Kota Bharu, Haji Hasan Hafiz Kuala Sungai Baru<sup>29</sup>, Haji Hasan Qurra' Besut, Haji Hasan Pondok Ketereh, Haji Wan Hasan Alor Keladi Besut, Dato' Haji Mohd Nor Ibrahim<sup>30</sup> dan lain-lain lagi.

Tokoh ini meninggal dunia di Mekah pada usia 53 Tahun di Kampung Shi'ab Ali pada waktu azan Subuh sedang berkumandang iaitu pada 21 Rejab 1367 Hijrah bersamaan 29 Mei 1948. Beliau meninggalkan lapan orang anak, dua perempuan dan enam lelaki. Tiga orang puteranya

<sup>24</sup> *Ibid.*, hlm 85.

<sup>25</sup> Beliau merupakan guru quran terbalik di Masjid Kayu Kota Bharu (1917-1921) yang kemudiannya dilantik menjadi imam di masjid yang sama. Berkhidmat sehingga meninggal pada 26 April 1943.

<sup>26</sup> Ismail Che Daud (2007), Tokoh-tokoh Ulam' Malaya Semenanjung II, Edisi Kedua, hlm 525.

<sup>27</sup> Tok Senggora meninggal pada tahun 1930.

<sup>28</sup> Bekas Mufti Kelantan.

<sup>29</sup> Bekas Mufti Melaka.

<sup>30</sup> Bekas Nufti Kelantan.

Haji Abdullah, Haji Abdul Aziz dan Haji Hashim juga terkenal sebagai hafiz-hafiz yang dihormati<sup>31</sup>.

Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani merupakan tokoh ulama hebat di dalam bidang Ilmu Tajwid dan Qiraat. Selain beliau mengajar di masjid bertalqqi dan bermusyafahah, beliau telah menghasilkan dua buah kitab iaitu sebuah kitab tajwid dan sebuah kitab qiraat yang lengkap. Kitab tajwidnya bertajuk *Tuhfatul al-Sibyan fi Tajwid al-Quran* dan kitab qiraatnya bertajuk *al-Durrah al-Muntakhabah fi Riwayat Syu'bah*.

Kitab ini siap dicetak kali pertama pada tahun 1935 dengan beberapa syarikat penerbitan. Tarikh ini diambil di bahagian hadapan halaman kitab beliau. Pada tangan penulis ada tiga buah kitab beliau yang dicetak oleh percetakan al-Ma'rif Sendirian Berhad, Percetakan Achin Sabtariyyah Pulau Pinang dan Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Huda wa Awladuh. Ketiga-tiga buah kitab mencatatkan tahun 1354 hijrah. Ia membawa maksud kitab ini dicetak adalah pada tahun 1354 hijrah bersamaan dengan tahun 1935 masihi dan mengandungi 25 muka surat bercetak tidak termasuk halaman hadapan dan belakang.

Gaya dan kaedah penyusunannya adalah dimulai dengan sedikit muqaddimah menghuraikan tentang hukum-hukum berkaitan bacaan al-Quran dengan disertakan dalil daripada al-Quran dan Hadis. Selain dari itu pengarang Syeikh Nuh juga membahaskan tentang kesalahan-kesalahan di dalam bacaan al-Quran dan faedah-faedah mempelajari hukum tajwid.

Seterusnya pengarang Syeikh Nuh memulakan perbahasan dengan menyusun bab-bab dan di bawah setiap bab mempunyai fasal-fasal tertentu. Susunan bab-bab ini adalah seperti berikut:

Bil	Bab
1	Bab Isti'azah
2	Bab Basmalah
3	Bab Huruf Fasal Fi Makharij al-Huruf Fasal Fi Sifat al-Huruf Fasal Fi al-Sifat al-'Aridhah Fasal Fi Tafkhim Ba'dha al-Huruf wa Tarqiqah
4	Bab Fi Ahkam al-Nun al-Sakinah wa al-Tanwin Fasal fi al-Ikhfa' Fasal fi al-Iqlab Fasal fi al-Idgham Ma'al Ghunnah Fasal fi al-Idgham Bila Ghunnah Fasal fi Idgham al-Mithlayn Fasal fi Idgham al-Mutajanisayn Fasal fi Idgham al-Mutaqaribayn
5	Bab Mad wa al-Qasr Fasal fi al-Mad al-Muttasil Fasal fi al-Mad al-Munfasil Fasal fi al-Mad al-'Aridh li al-Sukun

<sup>31</sup>Ibid, Ismail Che Daud, hlm 531.

	Fasal fi al-Mad al-Lazim Fasal fi Ha' al-Dhamir
6	Bab al-Qaqf wa al-Ibtida' wa al-Qars
7	Bab fi Fadhilah Tilawah al-Quran wa ma Yazkuru Ma'aha
8	Khatimah fi ma Yata'allaqu bi Khatmi al-Quran

Perbahasan pada setiap bab akan dimulai dengan huraian berkaitan ta'rif bab atau fasal itu. Contohnya perbahasan di dalam fasal fi idgham al-mutaqaribayn, berkata pengarang syeikh Nuh “ini fasal pada menyatakan idgham mutaqaribayn dan bermula demikian itu dengan bahawa berhampiran dua huruf pada makhraj dan sifat seperti lam dengan ra' pada umpama **فَلِرَبِيْ فَدْ سَمِعَ** atau pada makhraj jua tiada pada sifat seperti dal dengan sin pada umpama **الْعَرْشُ سَبِيلًا**. Setelah perbahasan berkaitan ta'rif dengan disertakan semua contoh-contoh pada ta'rif itu pengarang Syeikh Nuh juga membahaskan tentang bacaan riwayat Hafs contohnya “ dan Hafs tiada idgham ia daripada mutaqaribayn melainkan dua huruf jua lam pada ra' seperti **فَلِرَبِيْ** dan qaf pada kaf pada firmannya taala pada mursalat **أَلْمَخْلَقَمْ** shahdan tiada khilaf antara mereka itu pada idgham qaf pada kaf dan bermula khilaf antara mereka itu pada sempurnakan sifat isti'la' qaf maka menjalani oleh jumhur kepada idgham semata-mata daripada ketiadaan kekal sifatnya dan ialah terlebih asah pada riwayat dan terlebih awjuh pada qiyas dan telah menjalani oleh maki kepada kekal sifatnya dan atasnya iqtisar ia pada ri'ayah”.

Berdasarkan kepada pembacaan penulis pada kitab ini maka terserlahlah kemantapan, kehebatan Syeikh Nuh berkaitan penguasaan beliau di dalam ilmu Tajwid serta perbahasan khilaf-khilaf pada qiraat.

#### 4. BIODATA SYEIKH MUHAMMAD BIN AHMAD AL-KELANTANI

Pengarangnya ialah Haji Muhammad bin Lebai Ahmad bin Kweng Enche Mohd Yatim atau dikenali sebagai Haji Muhammad bin Ahmad al-Kelantani atau Pak Cu Haji Mat bin Tok Kweng Mat Yatim<sup>32</sup>. Gelaran beliau ialah Haji Mat Pintu Geng kerana disandarkan kepada tempat di mana beliau dilahirkan dan tempat beliau mencurahkan ilmu sepanjang hayat beliau<sup>33</sup>. Haji Muhammad telah dilahirkan pada tahun 1305 Hijrah bersamaan 1887 Masihi di Kampung Paloh, Pintu Geng, Kota Bharu Kelantan<sup>34</sup>. Manakala berdasarkan catatan tulisan tangan Tuan Guru Haji Muhammad beliau telah dilahirkan pada malam jumaat pada tahun 1307 Hijrah bersamaan 1889 Masihi di Kampung Paloh, pintu geng, Kota Bharu Kelantan. Ayah beliau ialah Lebai Ahmad bin Kweng Enche Mohd Yatim berasal dari Kelantan. Ibu beliau bernama Siti Aminah binti Wan abu bakar berasal dari Patani dan merupakan keturunan Pulau Sumbawa, Jawa indonesia<sup>35</sup>. Ayah Tuan Guru Haji Muhammad telah meninggal dunia di Mekah pada musim haji ketika beliau baru berusia tujuh tahun, manakala ibu beliau telah meninggal dunia semasa beliau

<sup>32</sup> Ismail Che Daud (2007), Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2), Kelantan, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu, hlm 101.

<sup>33</sup>Ibid.

<sup>34</sup>Ibid.

<sup>35</sup> Temuramah bersama Ustaz Zainuddin Hj Mahmood, cucu kepada Tuan Guru Hj Muhammad pada hari Jumaat, 25 Jun 2010, jam 10.00 pagi, bertempat di rumah Ustaz Zainuddin di Pintu Geng, Kota Bharu.

berusia sepuluh tahun. Tuan Guru Haji Muhammad merupakan anak tunggal kepada Lebai Ahmad dan Siti Aminah<sup>36</sup>. Mengikut catatan yang ditulis oleh cucu beliau itu Ustaz Rahimi bin Mahmud selepas ibu beliau meninggal dunia, beliau dipelihara oleh kakak dan abang iparnya iaitu Che Halus binti Labai Ahmad dan Wak Saman bin Haji Senik. Mereka berdua juga menanggung perbelanjaan pengajian Tuan Guru Haji Muhammad di Pondok Bonggol<sup>37</sup>. Berdasarkan pandangan Ismail Che Daud, beliau dipelihara oleh sepupunya yang bernama Halimah berdasarkan hasil wawancara penulis dengan anak beliau iaitu Haji Abdul Rahman bin Haji Muhammad di Pintu Geng pada 5 September 1982<sup>38</sup>.

Pendidikan awal Tuan Guru Haji Muhammad dalam bidang al-Quran semasa kecil diperolehi daripada Tuan Guru Haji Idris Pasir Kota<sup>39</sup>. Gurunya ini merupakan seorang yang sangat alim dalam bidang ilmu al-Quran, ilmu Fiqh, ilmu Nahu, Ilmu Usul dan lain-lain lagi<sup>40</sup>. Tuan Guru Haji Idris Pasir Kota tinggal tidak jauh daripada rumah beliau, jaraknya kira-kira satu per dua batu sahaja. Ini memudahkan beliau mempelajari atau berguru dengan Tuan Guru Haji Idris Pasir Kota semua ilmu terutamanya yang berkaitan dengan ilmu-ilmu al-Quran<sup>41</sup>. Setelah beliau berguru dengan Tuan Guru Haji Idris Pasir Kota, tanggal 4 Sya'ban tahun 1329 Hijrah bersamaan 30 julai 1911 Masihi, beliau melanjutkan pelajarannya ke Tanah Suci Mekah. Ketika itu beliau berusia 22 tahun. Beliau belajar di Tanah Suci Mekah selama tiga tahun (tiga kali haji)<sup>42</sup>. Manakala menurut Ismail Che Daud, beliau berada di Tanah Suci Mekah selama kira-kira lima tahun. Di antara guru-guru beliau di sana ialah Tok Senggora (Haji Abdullah)<sup>43</sup> dan Haji Omar. Mereka berdua ini merupakan dua orang tokoh yang sangat alim dalam bidang al-Quran. Setelah selesai menyambung pelajaran di Mekah, Tuan Guru Haji Muhammad terus kembali ke tanah air. Beliau kembali pada tahun 1331 Hijrah bersamaan dengan tahun 1914 Masihi<sup>44</sup>. Setelah kembalinya beliau di tanah air, beliau telah dijodohkan dengan Hajjah Lijah binti Yahya yang merupakan anak saudara kepada Tok Guru Haji Idris pada hari Khamis 4 Sya'ban 1331 Hijrah bersamaan 10 Julai 1913 Masihi. Hasil perkahwinannya, beliau dikurniakan lima orang cahaya mata, empat orang lelaki dan seorang perempuan. Mereka ialah<sup>45</sup> Ibrahim bin Haji Muhammad (1914-1946), Haji Daud bin Haji Muhammad (1919-1993), Haji Abdul Rahman bin Haji Muhammad (1924-1990), Hajjah Zainab bin Haji Muhammad (1929-2004) dan Abdullah bin Haji Muhammad (1934-1936).

<sup>36</sup> Temuramah bersama Ustaz Zainuddin Hj Mahmood, cucu kepada Tuan Guru Hj Muhammad pada hari Jumaat, 25 Jun 2010, jam 10.00 pagi, bertempat di rumah Ustaz Zainuddin di Pintu Geng, Kota Bharu. *Ibid.*

<sup>37</sup> Ismail Che Daud (2007), Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2), *op.cit*, hlm.

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> Temuramah bersama Ustaz Zainuddin Hj Mahmood, cucu kepada Tuan Guru Hj Muhammad pada hari Jumaat, 25 Jun 2010, jam 10.00 pagi, bertempat di rumah Ustaz Zainuddin di Pintu Geng, Kota Bharu, *ibid.*

<sup>43</sup> Beliau ialah Syeikh Abdullah Senggora adalah Abdullah bin Muhammad Qasim dan lebih dikenali sebagai Syeikh Abdullah bin Muhammad Qasim al-Fiqhi al-Sanquri (1850an-1930), pengarang kitab Mawrid al-Dhama'in.

<sup>44</sup> Temuramah bersama Ustaz Zainuddin Hj Mahmood, cucu kepada Tuan Guru Hj Muhammad pada hari Jumaat, 25 Jun 2010, jam 10.00 pagi, bertempat di rumah Ustaz Zainuddin di Pintu Geng, Kota Bharu, *ibid.*

<sup>45</sup> *Ibid.*

Tuan Guru Haji Muhammad banyak mencerahkan bakti dalam bidang al-Quran, keilmuan dan kemasyarakatan. Sekembalinya beliau dari Tanah Suci Mekah pada kira-kira tahun 1331 Hijrah, beliau mula mengajar al-Quran dan kitab-kitab Melayu di rumah abang iparnya iaitu Wan Saman di Tebing Paloh. Pada hari Sabtu iaitu pada 10 Rabiul Awal akhir 1338 Hijrah bersamaan 3 Januari 1920 Masihi beliau berpindah ke rumahnya sendiri iaitu di Kampung Pintu Geng dan mendirikan sebuah Balaisah (madrasah) untuk mengajar masyarakat setempat<sup>46</sup>. Pada tahun 1340 Hijrah bersamaan 1922 Masihi, beliau mula membuka pondok di Kampung Pintu Geng, Kota Bharu, Kelantan. Pondok ini berkembang maju kerana beliau mempunyai kemampuan mengajar dengan menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Arab. Di samping mengajar kitab-kitab, beliau juga mengajar al-Quran. Hal ini menjadikan beliau berbeza dengan guru-guru agama yang lain kerana pada ketika itu guru-guru agama hanya mengajar kitab-kitab yang berkaitan dengan Fekah, Aqidah, Tasawwuf, Akhlak, Sirah dan lain-lain tanpa mengajar al-Quran<sup>47</sup>.

Pada kebiasaannya, Tuan Guru Haji Muhammad mengajar al-Quran selepas sembahyang Zohor sehingga Asar pada setiap hari kecuali hari Jumaat. Pada waktu itu beliau sangat terkenal sebagai guru Ilmu Qiraat. Oleh kerana kemasyhuran beliau dalam mengajar Ilmu Qiraat, maka ramailah penuntut yang datang menuntut Ilmu Qiraat dengan beliau. Di antara penuntut-penuntut tersebut terdapat juga mereka yang datang dari Pondok Bunut Payung, Pondok Kenali dan lain-lain pondok semata-mata untuk menuntut Ilmu Qiraat<sup>48</sup>. Tuan Guru Haji Muhammad kembali ke rahmatullah pada hari Selasa 10 Ramadan tahun 1387 Hijrah bersamaan 12 Disember 1967 tahun Masihipada jam 8.53 pagi ketika berusia 80 tahun. Beliau dikebumikan pada jam 3.50 petang pada hari yang sama di Tanah Perkuburan Chengal, Pintu Geng.

Berkaitan nama kitab, Tuan Guru Hj Muhammad telah meletakkan nama karya beliau iaitu *Muqaddimah al-Mubtadi Fi Tajwid al-Quran*. Menurut pemerhatian penulis, kitab ini tidak pernah dikaji oleh pengkaji-pengkaji kitab lama sebelum ini. Yang dimaksudkan oleh penulis ialah Allahyarham Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah. Penulis cuba mencari perbahasan mengenai kitab ini oleh beliau samada melalui kertas-kertas kerja beliau atau buku-buku penerbitan beliau seperti Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara dan Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu, akan tetapi tidak ada dan beliau tidak pernah membahaskan kitab ini samada berkenaan dengan pengarangnya ataupun isi kandungannya. Penulis hanya dapat mengesan maklumat Tuan Guru Hj Muhammad melalui kitab Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu karangan Ismail Che Daud dan tesis pelajar Diploma Tahfiz al-Quran dan Al-Qiraat Darul Quran. Melalui tesis ini, penulisnya ada menemui dan mewawancara cucu kepada Tuan Guru Hj Muhammad.

Kitab ini selesai ditarung pada hari Selasa 8 Jamadil Awal tahun 1341 bersamaan 26 Disember 1922. Kitab yang ada pada tangan penulis adalah cetakan kali keenam iaitu bertarikh 10 Jamadil Awal tahun 1389 Hijrah bersamaan 24 Julai tahun 1969. Manakala salinan muka hadapan kitab yang sama dan bertarikh yang sama di dalam Kitab Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu

<sup>46</sup>Ibid..<sup>47</sup>Ibid.<sup>48</sup>Ibid.

(2) tertulis cetakan kali kelima<sup>49</sup>. Dari sudut kajian penulis, cetakan kali keenam pada kitab yang ada pada tangan penulis adalah salah, ini adalah kerana Tuan Guru Hj Muhammad ada menjelaskan di hadapan kitabnya yang ada di tangan penulis dengan katanya “ *telah ditashihkan ini kitab pengarang sendiri dengan sehabis cermatnya maka terapan ini sehabislah sahnya dan bersihnya daripada cap kali yang pertama, yang kedua, yang ketiga dan yang keempat* ”<sup>50</sup>. Berdasarkan kepada katanya ini menunjukkan bahawa kitab ini hanya dicetak kali kelima sahaja bukan sehingga kali keenam. Kitab ini dicetak oleh percetakan Al-Ahliah Sendirian Berhad, Kta Bharu, Kelantan. Menurut penelitian penulis di dalam pendahuluan kitabnya, pencetak ada menjelaskan dengan katanya “ *sanya risalah ini telah dibentangkan oleh al-Haqir iaitu yang mengarangnya ke hadapan segala ulama tersebut nama di bawah ini maka bersetujulah mereka itu metasdiq akan dia al-Fadhil Tuan Guru Hj Ahmad Hafiz Quran Imam Masjid Besar Kota Bharu, al-Fadhil Tuan Guru Hj Nik Man (Abdul Rahman) Kota Bharu Kelantan, al-Fadhil Hj Idris bin Samah, al-Fadhil Hj Ancik Ismail bin Muhammad Soleh dan al-Fadhil Hj Ancik Idris Mufti Negeri Kelantan* ”. Menurut penulis kata-kata ini adalah kata-kata pencetak bukan penulis atau pengarang kitab. Ia menjelaskan seolah-olah kitab ini ditashihkan atau disemak oleh alim ulama yang disebutkan di atas tadi. Mengenai nama kitab ini dan rujukannya, di dalam perenggan kedua pendahuluan, pengarang iaitu Tuan Guru Hj Muhammad ada menjelaskan “ *inilah suatu risalah pada Ilmu Tajwid aku himpunkandia daripada bilangan beberapa kitab yang diiktibarkan aku ambil daripadanya akan buahan-buahan yang diinginkan dan akan beberapa permata yang megah-megah* ( dalam bahasa arab )

**ترغباً للطلاب مترجمة بلغتنا للتقرير إلى فهمها من لا يعرف كلام العرب**

*Maksudnya: kerana gemar bagi orang yang menuntut akan dia yang diterjemah akan dia dengan bahasa kami supaya menghampirkan fahamnya akan mereka yang tiada mengetahui kalam Arab.*

### وسميتها مقدمه المبتدى في تجويد القراءان

*Maksudnya: dan aku namai akan dia Muqaddimah al-Mubtadi Fi Tajwid al-Quran ertinya mendahului bagi saudara ku yang baharu belajar pada menyatakan Tajwid al-Quran*<sup>51</sup>. Maka jelaslah di sini bahawa Tuan Guru Hj Muhammad ada merujuk beberapa kita ketika beliau mengarang kitab ini. Di antara tujuan beliau mengarang kitab ini dan menterjemahkan rujukannya ke dalam Bahasa Melayu adalah untuk memudahkan orang-orang yang baru mempelajari Ilmu Tajwid memahami Ilmu tajwid dengan baik.

Dalam melihat kepada kandungan kitab ini, seperti mana yang diketahui ia adalah sebuah kitab yang khusus membincangkan persoalan Ilmu Tajwid. Oleh yang demikian, perbincangan yang dibawa oleh Tuan Guru Hj Muhammad meliputi keseluruhan tajuk yang berkaitan dengan pembacaan al-Quran yang meliputi perbincangan berkaitan *makhraj huruf*, sifat-sifat huruf, persoalan tebal dan nipis huruf, hukum bacaan, berkaitan *mad*, persoalan *waqaf* dan *ibtida'* dan beberapa persoalan lain yang berkaitan dengan pembacaan al-Quran. Sesuatu yang menarik adalah di mana setiap daripada perbahasan disebutkan pendapat atau pandangan daripada ulama tertentu termasuklah daripada imam-imam qiraat sendiri. Sehingga kita dapat meletakkan

<sup>49</sup> Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2) (1996), *op.cit*, hlm 124 dan Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2) (2007), *op.cit*, hlm 106.

<sup>50</sup> Muqaddimah al-Mubtadi Fi Tajwid al-Quran, *op.cit*, hlm hadapan.

<sup>51</sup> *Ibid*, hlm 4.

kitab ini sebagai sebuah kitab yang lengkap dan mempunyai khazanah ilmu yang tinggi khususnya dalam Ilmu Tajwid dan Ilmu Qiraat atau secara umumnya terhimpun di dalam kitab ini segala ilmu untuk kita mengenali, memahami dan membaca al-Quran.

Untuk lebih jelas lagi, penulis akan menyenaraikan bab-bab berserta fasal-fasalnya dan tajuk-tajuk perbincangan yang telah diletakkan oleh Syeikh Muhammad bin Ahmad dalam penulisan kitab ini. Berikut penulis menyenaraikan keseluruhan bab berserta fasal-fasal mengikut susunan dari kitab:

Bab	Nama Bab
Satu	Isti'azah
Dua	Basmalah
Tiga	Bab Ahkam al-Nun al-Sakinah wa al-Tanwin Al-Fasl al-Awwal fi al-Izhar Al-Fasl al-Thani fi al-Ikhfa' Al-Fasl al-Thalith fi al-Iqlab Al-Fasl al-Rabi' fi al-Idgham Bighunnah Al-Fasl al-Khamis fi al-Idgham Bila Ghunnah Fasl fi Idgham al-Mithlayn Fasl fi Idgham Mutaqaribayn
Empat	Bab Lam al-Ta'rif
Lima	Fasl fi Ahkam al-Mim al-Sakinah
Enam	Fasl fi Tafkhim al-Ra' wa Tarqiqihā
Tujuh	Fasl fi Tarqiq al-Lam wa Tafkhimiha
Lapan	Bab fi Bayan Makharrij al-Huruf wa Sifatiha Fasl fi Sifat al-Huruf
Sembilan	Bab Ahkam al-Mad wa al-Qasr Fasl fi Mad al-Muttasil wa al-Mad al-Munfasil Fasl fi Mad al-Lazim Fasl fi Mad al-Arid
Sepuluh	Bab al-Waqf wa al- Ibtida'
Sebelas	Fasl fi Bayan Hamzah al-Wasl wa al-Qat'
Dua Belas	Kelebihan Membaca al-Quran Adab Khatam al-Quran
Tiga Belas	Ulum Quran
Empat Belas	Doa Khatam al-Quran

## 5. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada maklumat yang telah didedahkan oleh penulis di atas, dapat dinyatakan bawah ketiga-tiga tokoh ini merupakan ulama-ulama yang hadir di alam Melayu untuk memberikan sumbangan yang sangat besar kepada perkembangan penulisan dan pengajaran khususnya di dalam bidang Ilmu Tajwid dan Qiraat. Sumbangannya yang amat jelas apabila dilihat melalui ketokohan mereka mengajar, menulis kitab dan mempunyai anak-anak murid yang ramai, malah ramai di kalangan mereka menghasilkan karya-karya yang terbaik khususnya di dalam bidang Ilmu Tajwid. Sumbangannya juga, bukan hanya dikhususkan kepada sebangsa

sahaja, bahkan untuk keperluan seluruhnya dunia Islam atau ditujukan kepada keseluruhan umat Islam. Ini kerana beliau merupakan guru dan pakar rujuk di kalangan pelajar yang belajar di Mekah pada ketika itu. Maka, segala ilmu yang dicurahkan dalam segala bidang khususnya dalam bidang yang paling dikuasainya iaitu Ilmu Tajwid dan Qiraat memberikan satu bentuk sumbangan yang tidak boleh dipertikaikan lagi kepentingannya.

Ternyata kehebatan mereka juga dari sudut keturunan dan peribadi yang dimiliki telah menjadikan mereka sebagai tokoh-tokoh yang menguasai ilmu dan pengetahuan sehingga menjadi seorang tokoh ulama yang alim, selain mendapat sokongan, dorongan dan dokongan daripada ahli keluarga mereka khususnya ibu bapa mereka sendiri yang bersusah payah untuk mendidik dan memberi didikan yang terbaik kepada zuriat mereka sehingga lahirlah ketiga-tiga tokoh yang telah memberikan jasa yang tidak ternilai harganya. Semoga, sedikit pendedahan penulis berkaitan ketiga-tiga tokoh ini akan membuka minda kita dengan melihat kepada kesungguhan dan keiltizaman beliau mengharungi dunia yang luas untuk mencari dan mendapatkan ilmu, dengan tekad akan menyebarluaskan ilmu tersebut untuk kepentingan bersama.

## 6. BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-Halim bin Muhammad al-Hadi al-Qabah (1999), *Al-Qira’at al-Qur’aniyyah Tarikhuhu, Thubutuhu, Hujjiyyatuha wa Ahkamuha*, Beirut, Dar al-Gharb al-Islami.
- Abu ‘Abd al-Rahman Reda ‘Ali Darwaysy dan Abu Sahl Samih bin Ahmad bin Muhammad (2000), *Fath al-Rahman fi Taysir Turuq Hafs bin Sulayman*, Kaherah, Maktabah Qurtubah.
- Ahmad Mahmud ‘Abd al-Sami’ al-Hafyan (2001), *Asyhar al-Mustalahat fi Fann al-Ada’ wa ‘Ilm al-Qiraat*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al- (1981), *Sayr A’lam al-Nubala’*, Beirut, Muassasah al-Risalah.
- Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al- (1997), *Ma’rifah al-Qurra’ al-Kubar*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- ‘Abd Allah Muhammad Qasim Al-Sanquri (2004), *Mawrid Al-Zam’an Fi Ma Yata’allaqu Bi Tajwid Al-Qur’an*, Kuala Lumpur, Khazanah Al-Fataniyyah.
- Muhammad Nur Mufti Hj Ibrahim (2004), *Suluhan Darul Naim Bagi Penuntut Bacaan Nafi’ Bin Abi Na’im*, Kuala Lumpur, Khazanah Al-Fataniyyah.
- Muhammad bin Ahmad al-Kelantani(1922), *Muqaddimah al-Mubtadi’ fi Tajwid al-Quran*, Kota Bharu, Percetakan al-Ahliyyah.
- Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ulama Besar dari Patani*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Che Daud (2007), Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2), Kelantan, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (1991), *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, C.1, Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (1999), *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama sejagat Dunia Melayu*, C.1, Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (2002), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, C.1, Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyah.